

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA PERASMIAN MAJLIS MENANAM CERUCUK RUMAH MAMPU MILIK
DI PRECINCT 9, PUTRAJAYA
7 SEPTEMBER 1999

Syukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-nya, dapat kita berkumpul di majlis pada pagi ini.

2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. Kerana telah sudi menjemput saya untuk merasmikan Majlis Menanam Cerucuk bagi pembinaan rumah mampu milik di Precinct 9, Putrajaya ini.

3. Saya juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada Putrajaya Holdings di atas kegigihan membangunkan Putrajaya sebagai sebuah bandar raya bestari di dalam taman yang menjadi pusat pentadbiran baru untuk kerajaan persekutuan.

4. Selain dari berperanan membina pejabat-pejabat kerajaan yang menjadi penggerak kepada jentera pentadbiran kerajaan, Putrajaya Holdings juga mempunyai peranan untuk membangunkan kediaman-kediaman untuk kakitangan kerajaan dan juga orang awam di bandar raya baru ini. Kehadiran komponen perumahan untuk pelbagai peringkat pendapatan menjadikan Putrajaya sebuah bandar raya yang "vibrant" dan berupaya berkembang, sesuai dengan keperluan dan suasana semasa.

5. Adalah tidak benar samasekali kenyataan- kenyataan yang menyebut bahawa Putrajaya hanya menyediakan perumahan untuk golongan berpendapatan tinggi. Yang sebenarnya, bandar raya Putrajaya akan mempunyai pelbagai rekabentuk rumah untuk keperluan pelbagai golongan dan peringkat pendapatan.

6. Projek pembangunan rumah mampu milik di Precinct 9, Putrajaya merupakan contoh terbaik ke arah usaha memberi peluang kepada masyarakat berpendapatan rendah untuk sama-sama menikmati kehidupan berkualiti di Putrajaya. Saya telah difahamkan bahawa di bawah fasa pertama Projek Rumah Mampu Milik di Putrajaya, sejumlah 1,226 unit Rumah Mampu Milik akan dibina di sini dan ditawarkan untuk dibeli oleh orang awam.

7. Malahan saya dimaklumkan bahawa sejumlah 10,000 unit Rumah Mampu Milik akan dibina secara berperingkat-peringkat di beberapa kawasan kejiranan di Putrajaya untuk golongan berpendapatan rendah, dari jangka masa sekarang sehingga tahun 2010.

8. Rumah-rumah ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas dan awam untuk para penghuninya hidup dengan selesa. Selain itu, pembangunan Putrajaya yang menekankan kawasan landskap yang indah, menawarkan kehidupan bermasyarakat yang harmoni dan bebas dari tekanan kehidupan moden hari ini.

9. Perlu saya tegaskan bahawa pihak kerajaan memandang serius dan menyokong penuh, usaha pembangunan rumah-rumah kos rendah yang dikategorikan sebagai Rumah Mampu Milik untuk rakyat yang berpendapatan rendah. Ini merupakan sebahagian dari usaha berterusan pihak kerajaan untuk memastikan golongan kurang berkemampuan dapat memiliki rumah dan hidup selesa.

10. Bagaimanapun, tanggungjawab ini tidak harus dipikul oleh pihak kerajaan sahaja. Jika kita lihat pasaran hartanah hari ini, rumah mampu milik kini mempunyai permintaan yang tinggi. Malahan langkah kerajaan sedikit masa dahulu yang menetapkan tiga kategori harga siling untuk rumah-rumah kos rendah berdasarkan kos tanah, lokasi dan jenis unit, sedikit sebanyak mengurangkan beban kos pembinaan yang ditanggung oleh pemaju.

11. Justeru itu, adalah tidak wajar pemaju swasta mengeneipkan pembinaan rumah mampu milik dan hanya bertindak membangunkan rumah-rumah mewah yang hanya mampu dimiliki oleh golongan berpendapatan tinggi. Seharusnya, dengan permintaan yang tinggi ini, pembinaan rumah-rumah mampu milik perlu disegerakan pembinaannya di seluruh negara.

12. Sungguhpun begitu, usaha menyegerakan pembinaan rumah-rumah mampu milik ini bukan semata-mata untuk mengisi permintaan, tetapi wajar dilihat sebagai usaha menjimatkan kos pembinaan. Sekiranya pihak pemaju lambat atau melengahkan pembangunannya, kos pembinaan akan meningkat. Akhirnya, yang menjadi mangsa ialah pembeli yang terdiri dari golongan berpendapatan rendah yang terpaksa menanggung kos tinggi.

13. Saranan menyegerakan pembinaan projek ini tidak bermakna pihak pemaju boleh mengambil langkah mudah dengan menggunakan bahan-bahan binaan bermutu rendah. Pemaju perlu bersikap lebih bertanggungjawab mematuhi segala peraturan atau syarat pembangunan dalam membina rumah-rumah mampu milik ini.

14. Sementara itu, pihak berkuasa tempatan juga mempunyai peranan penting untuk memastikan kelancaran pembinaan rumah mampu milik ini. Kelulusan segera dari mereka diperlukan agar projek dapat dilaksanakan dengan cepat. Bagaimanapun, sekiranya pemaju gagal mematuhi syarat atau pelan pembinaan, mereka wajar dimaklumkan secepat mungkin agar pembetulan dapat dibuat. Jangan biarkan kerenah birokrasi menjejaskan hasrat kita menyediakan rumah-rumah mampu milik untuk masyarakat yang berpendapatan rendah.

15. Jelasnya, pihak kerajaan, agensi-agensi kerajaan dan pemaju swasta perlu bekerjasama dalam usaha membina lebih banyak rumah mampu milik ini. Menyediakan rumah mampu milik untuk golongan berpendapatan rendah adalah tanggungjawab bersama oleh semua pihak kerana ianya adalah keperluan asas. Jangan jadikan ianya satu komoditi atau pelaburan untuk mendapatkan keuntungan luar biasa bagi sesetengah pihak.

16. Sesungguhnya langkah yang diambil oleh Putrajaya Holdings ini patut dijadikan teladan oleh syarikat- syarikat pemaju hartanah yang lain.

17. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Putrajaya Holdings kerana telah berjaya merealisasikan fasa satu Putrajaya dan atas keprihatinannya membangunkan komponen kediaman di Putrajaya untuk pelbagai golongan dan peringkat pendapatan.

Terima kasih.